

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1991**

---

### **CARA PROSES PERMOHONAN PINDAHMILIK TANAH DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH KEPUNYAAN ORANG MELAYU KEPADA SEORANG MELAYU BUKAN ANAK KELANTAN**

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan tentang cara proses permohonan pindahmilik dan gadaian tanah-tanah kepunyaan Orang Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah kepada Seorang Melayu Bukan Anak Kelantan.

2. Arahan Bilangan 2 Tahun 1989 menerangkan cara proses permohonan pindahmilik tanah dan gadaian di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah Kepunyaan Seorang Bukan Melayu kepada Seorang Bukan Melayu yang lain.

3. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bilangan 1 Tahun 1991 melanjutkan tempoh kemudahan pindahmilik dan gadaian tanah dan rumah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah sehingga 31.12.1991 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan juga membuat keputusan untuk memberi kebenaran am kepada Orang-Orang Melayu untuk pindahmilik tanah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah kepada Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran kepada Institut Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

4. Pejabat ini telah menerima rungutan daripada pemaju-pemaju Melayu bahawa Pejabat-Pejabat Tanah mengambil masa yang lama untuk memproseskan permohonan bagi mendapat kebenaran am daripada Orang Melayu untuk pindahmilik tanah di bawah Program ini kepada Seorang Melayu Bukan Anak Kelantan. Oleh sebab kebenaran ini telah pun diberi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi pindahmilik berkenaan cuma perkara yang diperlukan ialah latar belakang projek untuk menentukan peraturan yang telah dipindahmilik kepada Bukan Melayu dan oleh sebab pindahmilik kepada Orang Melayu sungguhpun Bukan Anak Kelantan tidak melibatkan pengurangan kuota Orang-Orang Melayu, maka permohonan sedemikian patutlah diringkas seperti berikut :-

- (a) Latar belakang projek;
- (b) Perihal tuan tanah;
- (c) Perihal pembeli dan
- (d) Perihal pemegang gadai

Perihal keluarga pembeli tidak mustahak oleh sebab ianya seorang Melayu Cuma tempoh (masanya) tinggal di Kelantan tidak sampai 15 tahun lagi.

5. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan tentang perkara ini supaya permohonan pindahmilik tanah kepada Orang-Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dapat disegerakan memandang bahawa kebenaran dan kelulusan pindahmilik dan gadaian telah diberi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan bagaimana Pekeliling Bilangan 1 Tahun 1991 cuma butir-butir tanah dan latar belakang projek tuan tanah dan pembeli yang diperlukan.

6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

**t.t**

**(Tengku Elias bin Tengku Mahmood)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN.  
KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
**15576 KOTA BHARU**

**BERTARIKH :        5HB. MEI, 1991**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

**SALINAN KEPADA :-**

1. YAB. Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan

**FAIL: P.T.G.KN.SULIT 23/3/1 JLD.2 / (57)**